

15 SEP 2003

Parlimen-Bahas

KERAJAAN DIMINTA TUBUH INSTITUSI R&D LAHIR SUMBER MANUSIA BERKALIBER

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Kerajaan perlu menubuhkan sebuah institusi penyelidikan dan pembangunan khusus untuk mendidik dan melatih sumber manusia yang berkualiti di negara ini, kata seorang penyokong kerajaan.

Hoo Seong Chang (BN-Kluang) berkata, ia bagi melahirkan lebih ramai sumber manusia yang berkualiti dan bukan sekadar lepasan universiti yang kurang ilmu dan kemahiran.

Negara masih ketinggalan dalam kepakaran penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang petunjuk asasnya boleh dilihat daripada bilangan pemilik komputer dan pengguna Internet yang masih rendah berbanding di negara maju, katanya semasa membahaskan Bajet 2004 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lepas.

Hoo berkata mengikut statistik Institut Kajian Stratejik dan Antarabangsa (ISIS) yang dikeluarkan tahun lepas, hanya terdapat tiga orang pakar R&D bagi setiap 10,000 rakyat tempatan berbanding 73 bagi setiap 10,000 orang di Jepun, 48 bagi setiap 10,000 orang di Taiwan, 38 bagi setiap 10,000 di Singapura dan 27 bagi setiap 10,000 orang di Korea Selatan.

Beliau juga ingin tahu lebih lanjut mengenai program Menggiatkan Penyelidikan dalam Bidang-bidang Keutamaan (IRPA) yang dikhususkan bagi institusi penyelidikan awam dengan kerjasama swasta yang diperuntukkan RM84.5 juta.

Hoo turut mencadangkan penubuhan sebuah agensi pusat yang khusus menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kebersihan alam sekitar agar semua perancangan dan kempen kebersihan dapat diselaraskan di semua peringkat negeri.

Dengan adanya satu agensi khusus itu, segala tumpuan dapat diberi bagi memastikan alam sekitar lebih bersih.

Beliau berkata wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) di beberapa negara menunjukkan bahawa kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar tidak boleh dipandang ringan.

Hoo menambah kata walaupun wabak SARS baru sahaja berlalu, sikap sebahagian penduduk di negara ini masih tidak berubah dengan gejala membuang sampah di merata-rata masih lagi berleluasa.

"Usaha secara besar-besaran perlu dibuat bagi meningkat kesedaran di kalangan penduduk dan pihak berkuasa pula perlu lebih tegas dengan mengambil tindakan terhadap mereka yang mencemar alam sekitar," katanya.

Datuk Abdul Hamid Abdul Rahman (BN-Sungai Benut) pula mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan institusi khusus yang memberi tumpuan kepada latihan pasca siswazah dengan penekanan terhadap aspek `keimpinan dan keusahawanan' sebagai persediaan untuk melahirkan sumber manusia yang terlatih.

Penekanan kepada dua bentuk latihan itu penting memandangkan ianya dikenali kritikal dalam era digital selain memastikan negara dapat melahirkan sumber manusia yang sentiasa terlatih dan mampu menguasai peluang K-ekonomi.

Abdul Hamid berkata kerajaan juga harus menggalakkan para graduan supaya melanjutkan pengajian selepas memperolehi diploma atau ijazah pertama supaya mereka menjadi lebih matang.

"Ini adalah strategi serampang dua mata, menggalakkan mereka melanjutkan pengajian bermakna kita meningkatkan kebolehan para graduan, di

samping berusaha mengatasi masalah siswazah menganggur," katanya.

Penguasaan ilmu di peringkat ijazah pertama hanya akan melahirkan sumber manusia yang menjadi pengikut atau `follower' dalam bidang masing-masing, sedangkan dalam era globalisasi negara memerlukan `leader' dan `player'.

"Kalau kita mahu menjadi `global player', kalau kita mahu menjadi masyarakat pengeluar dan tidak lagi semata-mata menjadi masyarakat pengguna, strategi melahirkan `leader' ini perlu kita perhebatkan," katanya.

Sementara itu bagi memastikan sumber manusia tempatan mampu menguasai bidang teknologi dengan lebih berkesan, beliau mencadangkan supaya `corporate players' seperti Proton menubuhkan Universiti Automobil Malaysia untuk membolehkan penerokaan teknologi berkenaan lebih berjaya.

Pembelajaran di universiti berkenaan bukan sahaja perlu ditumpukan kepada akademik semata-mata tetapi mestilah mengkhusus kepada Pembangunan dan Penyelidikan (R&D), katanya.

Persidangan dewan disambung esok.

-- BERNAMA

SNS SNS PR